



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

FIZIK

SPM

2021

Modul

INSPIRASI MateSn

(Matematik & Sains)

Format Baharu Pentaksiran KSSM

SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

Terbitan 2021

© Kementerian Pendidikan Malaysia
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan modul ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

Disediakan oleh:
Unit Sains dan Matematik
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

KANDUNGAN

Rukun Negara	i
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ii
Definisi Kurikulum Kebangsaan	iii
Kata Pengantar	iv
Pengenalan	1
Format Baharu SPM	2
Senarai Formula	3 – 5
Kertas 1	6 – 27
Kertas 2	28 – 88
Kertas 3	89 – 118
Skema	119 – 134
Maklum Balas Guru	135
Makluma Balas Murid	136
Senarai Panel	137
Penghargaan	138

RUKUN NEGARA



BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh
masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran
negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan
saksama; Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-
tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita
tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepadaNya atas segala kenikmatan yang diperoleh juga atas kebersamaan dan komitmen semua pihak dalam menghasilkan **Modul INSPIRASI MateSn** bagi mata pelajaran Fizik untuk kegunaan murid-murid yang akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2021.

Terbukti berkat kesungguhan dan keikhlasan dalam satu pasukan, maka penghasilan modul dapat direalisasikan hasil idea, pengalaman dan kepakaran guru-guru rujukan Fizik seluruh negeri Kelantan yang terdiri daripada barisan guru cemerlang dan

jurulatih utama. Ucapan penghargaan kepada semua pegawai Unit Sains dan Matematik Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan kerana turut sama menyuntik, merangsang dan menyediakan platform terbaik dalam menghasilkan modul ini yang Insya-Allah akan melonjakkan peningkatan mata pelajaran Fizik dalam peperiksaan SPM nanti.

Kreativiti serta inovasi guru amat penting dalam menyuburkan kesedaran dan kefahaman agar murid-murid teruja dan bersemangat untuk menggunakan modul ini kerana pastinya hasil latihan secara berterusan akan menjadi pemangkin kepada peningkatan peratus lulus dan Gred Purata Mata Pelajaran dalam SPM 2021.

Akhir sekali, ucapan terima kasih saya ucapkan kepada semua guru di negeri Kelantan khasnya kerana sentiasa ada kebersamaan dengan Jabatan Pendidikan khususnya Sektor Pembelajaran. Semoga para guru dapat mengaplikasi pengajaran dan pembelajaran dengan kebijaksanaan dan mampu mewujudkan iklim pembelajaran yang harmonis selaras dengan matlamat “Memacu Pembelajaran, Pendidikan Cemerlang”.

Sekian, terima kasih.


MOHD HASSANY BIN HASHIM P.S.K., A.S.K.

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan sejak tahun 1989 bagi memenuhi hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Selaras dengan perubahan ini, Lembaga Peperiksaan telah mengadakan perekaan bentuk format pentaksiran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Seterusnya, perekaan bentuk format pentaksiran menjadi asas kepada pembinaan instrumen pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Seiring dengan perubahan format baharu KSSM, penghasilan Modul **INSPIRASI MateSn** Fizik ini bertujuan memberi pendedahan dan pencetus idea kepada guru mengenai format pentaksiran SPM yang terkini mulai tahun 2021. Inisiatif Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan pembina modul diharapkan dapat memberi pencerahan kepada guru berkaitan variasi item rutin, bukan rutin dan KBAT yang akan diuji nanti. Item-item yang terkandung dibina untuk memberi idea kepada guru tentang kepelbagaian konstruk, konteks dan aras kesukaran secara keseluruhan.

Guru disaran meneliti modul ini serta melaksanakan PdP/ PdPR yang berkaitan di mana sesuai. Guru juga perlu menjadikan modul ini sebagai pencetus idea dalam mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta menaakul secara logik dalam kalangan murid mereka di samping menyediakan murid bagi menghadapi pentaksiran pusat. Modul **INSPIRASI MateSn** juga dapat memberi gambaran tentang bentuk item yang disoal sebagai latih sendiri atau pengukuhan murid merangkumi topik-topik Tingkatan 4 dan 5.

FORMAT BAHARU SPM

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021 MATA PELAJARAN FIZIK (4531)

BIL	PERKARA	KERTAS 1 (4531/1)	KERTAS 2 (4531/2)	KERTAS 3 (4531/3)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis		Ujian Amali (Bersepadu)
2	Jenis Item	Objektif Aneka Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Berstruktur • Subjektif Respon Terhadap • Subjektif Respon Terbuka 	<ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Berstruktur
3	Bilangan Soalan	40 soalan (40 markah) (Jawab semua soalan)	<p>Bahagian A: (60 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • 8 soalan (Jawab semua soalan) <p>Bahagian B: (20 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 soalan (Jawab 1 soalan) <p>Bahagian C: (20 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 soalan 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 Item (Jawab mengikut mata pelajaran yang didaftar)
4	Jumlah Markah	40 markah	100 markah	15 markah bagi setiap item
5	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> • Mengetahui • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengetahui • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • mencipta 	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran proses sains
6	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit	<ul style="list-style-type: none"> • 2 jam 15 minit (3 Item) • 1 jam 30 minit (2 Item) • 45 minit (1 Item)
7	Cakupan Konteks	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)		
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2		
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik	
10	Alat Tambahan	Kalkulator saintifik		

SENARAI FORMULA

1. $a = \frac{v-u}{t}$
2. $v^2 = u^2 + 2as$
3. $s = ut + \frac{1}{2}at^2$
4. Momentum, $p = mv$
5. $F = ma$
6. Daya Impuls, $F = \frac{mv-mu}{t}$ / Impulsive force, $F = \frac{mv-mu}{t}$
7. Daya graviti, $F = \frac{Gm_1 m_2}{r^2}$ / Gravitational force, $F = \frac{Gm_1 m_2}{r^2}$
8. Pecutan graviti, $g = \frac{GM}{r^2}$ / Gravitational acceleration, $g = \frac{GM}{r^2}$
9. Daya memusat, $F = \frac{mv^2}{r}$ / Centripetal force, $F = \frac{mv^2}{r}$
10. Jisim bumi, $m = \frac{4\pi^2 r^3}{GT^2}$ / Mass of Earth, $m = \frac{4\pi^2 r^3}{GT^2}$
11. Laju linear satelit, $v = \sqrt{\frac{GM}{r}}$ / Linear speed of satellite, $v = \sqrt{\frac{GM}{r}}$
12. Halaju lepas, $v = \sqrt{\frac{2GM}{r}}$ / Escape velocity, $v = \sqrt{\frac{2GM}{r}}$
13. $\frac{T_1^2}{T_2^2} = \frac{r_1^3}{r_2^3}$
14. Haba, $Q = mc\Delta\theta$ / Heat, $Q = mc\Delta\theta$
15. Haba, $Q = m\ell$ / Heat, $Q = m\ell$
16. $P_1V_1 = P_2V_2$
17. $\frac{P_1}{T_1} = \frac{P_2}{T_2}$
18. $\frac{V_1}{T_1} = \frac{V_2}{T_2}$

19. $v = f\lambda$

20. $\lambda = \frac{ax}{D}$

21. $n_1 \sin \theta_1 = n_2 \sin \theta_2$

22. $n = \frac{\text{dalam nyata, } H}{\text{dalam ketara, } h} / n = \frac{\text{real depth, } H}{\text{apparent depth, } h}$

23. $\frac{1}{f} = \frac{1}{u} + \frac{1}{v}$

24. Pembesaran linear, $m = \frac{h_i}{h_o} = \frac{v}{u}$ / Linear magnification, $m = \frac{h_i}{h_o} = \frac{v}{u}$

25. Tenaga kinetik, $E_k = \frac{1}{2}mv^2$ / Kinetic energy, $E_k = \frac{1}{2}mv^2$

26. Tenaga keupayaan graviti, $E_p = mgh$ / Gravitational potential energy, $E_p = mgh$

27. Tenaga keupayaan kenyal, $E_p = \frac{1}{2}Fx = \frac{1}{2}kx^2$ / Elastic potential energy, $E_p = \frac{1}{2}Fx = \frac{1}{2}kx^2$

28. Kuasa, $P = \frac{\text{Tenaga, } E}{\text{masa, } t}$ / Power, $P = \frac{\text{Energy, } E}{\text{time, } t}$

29. Tekanan, $P = \frac{F}{A}$ / Pressure, $P = \frac{F}{A}$

30. Tekanan cecair, $P = h\rho g$ / Liquid pressure, $P = h\rho g$

31. Cas, $Q = It$ / Charge, $Q = It$

32. Beza keupayaan, $V = \frac{E}{Q}$ / Potential difference, $V = \frac{E}{Q}$

33. Tenaga elektrik, $E = VIt$ / Electrical energy, $E = VIt$

34. Rintangan, $R = \frac{V}{I}$ / Resistance, $R = \frac{V}{I}$

35. Kuasa, $P = IV$ / Power, $P = IV$

36. Tenaga keupayaan elektrik, $E = eV$ / Electric potential energy, $E = eV$

37. $\frac{V_S}{V_P} = \frac{N_S}{N_P}$

$$38. \text{Kecekapan} = \frac{I_S V_S}{I_P V_P} \times 100 \% / \text{Efficiency} = \frac{I_S V_S}{I_P V_P} \times 100 \%$$

$$39. E = mc^2$$

$$40. E = hf$$

$$41. \lambda = \frac{h}{p}$$

$$42. P = nhf = \frac{nhc}{\lambda}$$

$$43. hf = W + \frac{1}{2}mv^2$$

$$44. W = hf_o$$

$$45. g = 9.81 \text{ m s}^{-1}$$

$$46. \text{Pemalar graviti, } G = 6.67 \times 10^{-11} \text{ N m}^2 \text{ kg}^{-2} / \text{Gravitational constant, } G = 6.67 \times 10^{-11} \text{ N m}^2 \text{ kg}^{-2}$$

$$47. 1 u = 1.66 \times 10^{-27} \text{ kg}$$

$$48. \text{Pemalar Planck, } h = 6.63 \times 10^{-34} \text{ J s} / \text{Planck constant, } h = 6.63 \times 10^{-34} \text{ J s}$$

$$49. 1 eV = 1.60 \times 10^{-19} \text{ J}$$

$$50. c = 3.0 \times 10^8 \text{ m s}^{-1}$$

$$51. \text{Jisim matahari} = 1.99 \times 10^{30} \text{ kg} / \text{Mass of the sun} = 1.99 \times 10^{30} \text{ kg}$$

$$52. \text{Jisim bumi, } M = 5.97 \times 10^{24} \text{ kg} / \text{Mass of Earth, } M = 5.97 \times 10^{24} \text{ kg}$$

$$53. \text{Jejari bumi, } R = 6.37 \times 10^6 \text{ m} / \text{Radius of earth, } R = 6.37 \times 10^6 \text{ m}$$

KERTAS 1 (4531/1)




Contoh Soalan Fizik Kertas 1
Example Questions of Physics Paper 1

1. Unit SI yang manakah betul bagi setiap kuantiti?
Which of the following SI unit is correct for each quantity?

	KUANTITI QUANTITY	UNIT SI SI UNIT
A	Suhu <i>Temperature</i>	Celcius ($^{\circ}\text{C}$)
B	Jisim <i>Mass</i>	Gram (g)
C	Arus elektrik <i>Electric current</i>	Volt (V)
D	Keamatan berluminositi <i>Luminous intensity</i>	Candela (cd)

2. Rajah 1 menunjukkan graf P melawan Q.
Diagram 1 shows graph P against Q.




Rajah 1
Diagram 1

Hubungan antara P dan Q diwakili oleh persamaan
The relationship between P and Q is represented by the equation

- A $P = \frac{Q}{2} + 10$
- B $P = -\frac{Q}{2} + 10$
- C $P = -2Q + 10$
- D $P = 2Q + 10$

3. Rajah 2 menunjukkan sebiji bola bergerak di atas satu landasan licin daripada titik P ke Q.





Diagram 2 shows a ball moving on a smooth runway from point P to Q



Rajah 2
Diagram 2

Yang manakah antara graf v melawan t berikut adalah benar untuk menerangkan gerakan bola itu daripada P ke Q?

Which of the following v against t graph is correct to explain the motion of the ball from P to Q?



4. Rajah 3 menunjukkan Amin menyentak sehelai alas meja.
Diagram 3 shows Amin jerking a tablecloth.



Rajah 3
Diagram 3

Peralatan makanan kekal di atas meja disebabkan oleh
The dinnerware remains on the table because of

- | | | | |
|---|---------------------------------------|---|-----------------------------|
| A | daya impuls
<i>impulsive force</i> | B | momentum
<i>momentum</i> |
| C | impuls
<i>impulse</i> | D | inersia
<i>inertia</i> |
5. Rajah 4 menunjukkan sebutir peluru yang ditembak keluar dari sepucuk senapang.
Diagram 4 shows a bullet shot out from a rifle.



Rajah 4
Diagram 4

Hitungkan halaju peluru, v .
Calculate the velocity of the bullet, v .

- | | | | |
|---|------------------------|---|-----------------------|
| A | 0.25 ms^{-1} | B | 25 ms^{-1} |
| C | 200 ms^{-1} | D | 250 ms^{-1} |

6.

'Kadar perubahan momentum berkadar terus dengan daya dan bertindak pada arah tindakan daya.'

'The rate of change of momentum is directly proportional to the force and acts in the direction of the applied force.'

Pernyataan di atas adalah berkaitan
The above statement is about

- A Hukum Gerakan Newton Pertama
Newton's First Law of Motion
- B Hukum Gerakan Newton Kedua
Newton's Second Law of Motion
- C Hukum Gerakan Newton Ketiga
Newton's Third Law of Motion

7. Rajah 5 menunjukkan keadaan beg udara semasa perlanggaran.
Diagram 5 shows the state of air bag during collision.



Rajah 5
Diagram 5

Apakah fungsi beg udara?
What is the function of air bag?

- I Untuk mengurangkan kadar perubahan momentum yang bertindak ke atas pemandu.
To reduce the rate of change of momentum acted on the driver.
 - II Untuk menambahkan masa impak antara pemandu dan stereng kereta.
To increase the time of impact between the driver and the car steering.
 - III Untuk mengurangkan perubahan momentum pada pemandu.
To reduce the change of momentum of the driver.
- A I dan II sahaja
I and II only
 - B I dan III sahaja
I and III only
 - C II dan III sahaja
II and III only

8. Sebuah satelit yang ditempatkan dalam satu orbit tetap mengelilingi Bumi kekal pada orbitnya dan tidak terlepas ke ruang angkasa kerana satelit itu

A satellite placed in an fixed orbit orbiting the Earth remained in its orbit and did not escape into space because the satellite is

- A bergerak dalam vakum
moving in vaccum
 - B mengalami ketiadaan berat
experiencing zero weight
 - C bergerak dengan kelajuan tinggi
moving in high speed
 - D sentiasa ditarik oleh daya graviti Bumi
always pulled by the gravitational force of Earth
9. Rajah 6 menunjukkan susu sejuk dituangkan ke dalam kopi panas.
Diagram 6 shows cold milk being poured into hot coffee.



Rajah 6
Diagram 6


Pernyataan manakah yang betul apabila campuran itu berada dalam keadaan keseimbangan terma?

Which statement is correct when the mixture is at the thermal equilibrium?

- A Suhu campuran itu lebih rendah daripada suhu susu sejuk
Temperature of mixture is lower than cold milk
- B Suhu campuran itu lebih tinggi daripada suhu kopi panas
Temperature of mixture is higher than hot coffee
- C Kadar pemindahan haba susu sejuk adalah lebih rendah daripada kopi panas
Net rate of heat transfer of the cold milk is lower than the hot coffee
- D Kadar pemindahan haba bersih antara susu sejuk dan kopi panas adalah sifar
Net rate of heat transfer between the cold milk and the hot coffee is zero

13. Rajah 8 menunjukkan suatu wayar keluli yang tegang menghasilkan getaran yang kuat apabila wayar itu dipetik

Diagram 8 shows a stretched steel wire which produces strong vibration when the wire is plucked.



Rajah 8
Diagram 8


Gelombang yang terhasil dari getaran itu adalah
The resulting wave of that vibration is

- | | | | |
|---|--|---|---|
| A | gelombang melintang
<i>transverse waves</i> | B | gelombang elektromagnet
<i>electromagnetic waves</i> |
| C | gelombang pegun
<i>stationary waves</i> | D | gelombang progresif
<i>progressive waves</i> |
14. Rajah 9 menunjukkan corak interferens yang dihasilkan oleh dua sumber koheren dalam tangki riak.

X, Y dan Z adalah tiga titik yang terletak dalam corak interferens.

Diagram 9 shows an interference pattern produced by two coherent sources in a ripple tank.

X, Y and Z are three points located in the interference pattern.



Rajah 9
Diagram 9

Kombinasi yang manakah berikut adalah benar?
Which combination is correct?

	INTERFERENS MEMBINA <i>CONSTRUCTIVE INTERFERENCE</i>	INTERFERENS MEMUSNAH <i>DESTRUCTIVE INTERFERENCE</i>
A	P	Q
B	P	R
C	R	Q
D	R	P

15. Jadual 1 menunjukkan gelombang elektromagnet dan kegunaannya. Manakah antara pasangan berikut adalah benar?


Table 1 shows electromagnetic waves and their applications. Which of the following pairs is true?

	JENIS GELOMBANG <i>TYPES OF WAVES</i>	KEGUNAAN <i>APPLICATION</i>
I	Inframerah <i>Infrared</i>	Alat kawalan jauh <i>Remote control</i>
II	Gelombang radio <i>Radiowaves</i>	Sistem sonar <i>Sonar system</i>
III	Cahaya nampak <i>Visible light.</i>	Kamera <i>Camera</i>

Jadual 1
Table 1

- A I dan II sahaja
I and II only
- B I dan III sahaja
I and III only
- C II dan III sahaja
II and III only

16. Rajah 10 menunjukkan gentian optik yang digunakan untuk membina sebuah endoskop.
Diagram 10 shows an optical fibre, which used to build an endoscope.



Rajah 10
Diagram 10

Nyatakan fenomena cahaya yang berlaku dalam gentian optik.

State the phenomenon of light that occurs in optical fibre.


- | | | | |
|---|--|---|---|
| A | Pantulan cahaya
<i>Reflection of light</i> | B | Pembiasan cahaya
<i>Refraction of light</i> |
| C | Pantulan dalam penuh
<i>Total internal reflection</i> | D | Pembentukan imej oleh kanta
<i>Image formation by the lens</i> |
17. Di manakah satu objek harus diletak di hadapan satu kanta cembung dengan jarak fokus f supaya ia bertindak sebagai kanta pembesar?

Where should an object be placed in front of a convex lens with focal length f so that it can act as a magnifying glass?

- | | | | |
|---|--|---|--|
| A | Kurang daripada f
<i>Less than f</i> | B | Antara f dan $2f$
<i>Between f and $2f$</i> |
| C | Sama dengan $2f$
<i>Equal to $2f$</i> | D | Lebih daripada $2f$
<i>More than $2f$</i> |

18. Rajah 11 menunjukkan sebuah kotak tergantung pada X. p dan r adalah ketegangan tali dan q adalah berat kotak itu.





Diagram 11 shows a box hanging at X. p and r are the tension of the string and q is the weight of the box.




Rajah 11
Diagram 11

Jika jumlah daya secara vektor yang bertindak pada X adalah sifar, segitiga daya berikut manakah betul?

If the vector sum of the forces acting at X is zero, which of the following triangle of forces is correct?



19. Rajah 12 menunjukkan sebuah kapal terbang terbang pada ketinggian tetap dengan halaju seragam.
Diagram 12 shows an airplane is flying at a constant height with constant velocity.




Rajah 12
Diagram 12

Daya-daya adalah seimbang apabila
The forces are balanced when

- A Tujahan ke depan = Daya seretan
Forward thrust = Drag force
- B Daya angkat > berat
Lift force > weight
- C Tujahan ke depan > Daya seretan
Forward thrust > Drag force
- D Daya angkat = 0 N
Lift force = 0 N

20. Rajah 13 menunjukkan regangan suatu spring apabila beban digantung.
Diagram 13 shows the extension of a spring when a load is hung on it.






Rajah 13
Diagram 13

Antara berikut yang manakah kaedah yang dapat dilakukan untuk menambahkan regangan spring tersebut?

Which of the following methods is used to increase the extension of the spring?


- A Menggunakan spring yang lebih pendek
Using a shorter spring
 - B Menggunakan wayar spring yang lebih tebal
Using a thicker spring
 - C Menggunakan spring yang mempunyai diameter besar
Using a bigger diameter spring
 - D Menggunakan spring yang lebih keras
Using stiffer spring
21. Faktor manakah yang mempengaruhi tekanan dalam suatu cecair?
Which factor affects the pressure in liquid?
- A Kelikatan cecair
Viscosity of liquid
 - B Pecutan graviti
Acceleration due to the gravity
 - C Suhu cecair
Temperature of liquid
 - D Warna cecair
Colour of liquid

22. Manakah di antara berikut berfungsi dengan mengaplikasikan tekanan atmosfera?
Which of the following functions by applying atmospheric pressure?



23. Rajah 14 menunjukkan satu alat hidraulik. Daya, F , dapat menyokong beban yang mempunyai berat, W .

Diagram 14 shows a hydraulic device. The force, F , is able to support a load of weight, W .



Rajah 14
Diagram 14

Apakah hubungan antara W , F , A dan a ?

What is the relationship between W , F , A and a ?

A $WA = Fa$


C $\frac{W}{a} = \frac{F}{A}$

B $\frac{W}{A} = \frac{F}{a}$

D $W + A = F + a$

24. Rajah 15 menunjukkan tiga kedudukan satu sfera plastisin semasa dijatuhkan ke dalam air. F_1 , F_2 dan F_3 adalah daya apung yang bertindak ke atas sfera plastisin.

Diagram 15 shows three positions of a plasticine sphere is dropped into the water. F_1 , F_2 and F_3 are the buoyant forces acted on the plasticine sphere.




Rajah 15
Diagram 15

Perbandingan yang manakah adalah benar?
Which comparison is true?

- | | | | |
|---|-------------------|---|-------------------|
| A | $F_1 > F_2 > F_3$ | B | $F_1 < F_2 < F_3$ |
| C | $F_1 > F_2 = F_3$ | D | $F_1 < F_2 = F_3$ |
25. Rajah 16 menunjukkan keratan rentas sebuah spoiler yang di pasang kepada sebuah kereta lumba. Bentuk aerofoil bagi spoiler tersebut menghasilkan satu daya ke bawah apabila udara mengalir melaluinya.

Diagram 16 shows a cross-section of a spoiler that is attached to a racing car. The aerofoil shape of the spoiler produces a downward force when air flows through it.



Rajah 16
Diagram 16


Namakan prinsip yang terlibat untuk menghasilkan daya ke bawah.
Name the principle involved in producing the downward force.

- | | | | |
|---|---|---|--|
| A | Prinsip Bernoulli
<i>Bernoulli's Principle</i> | B | Prinsip Pascal
<i>Pascal's Principle</i> |
| C | Prinsip Archimedes
<i>Archimedes's Principle</i> | D | Prinsip Keseimbangan Daya
<i>Principle of Forces in Equilibrium</i> |

26. Volt merupakan unit bagi beza keupayaan.
Manakah yang berikut bersamaan dengan unit Volt?

*Volt is the unit of potential difference.
Which of the following is equivalent to the unit of Volt?*

- | | | | |
|---|-----|---|-------------------|
| A | A s | B | J C ⁻¹ |
| C | J | D | J s ⁻¹ |
27. Rajah 17 menunjukkan satu litar elektrik.
Diagram 17 shows an electric circuit.



Rajah 17
Diagram 17

Berapakah bacaan ammeter dalam litar?
What is the reading of the ammeter in the circuit?

- | | | | |
|---|-------|---|-------|
| A | 0.5 A | B | 2.0 A |
| C | 3.0 A | D | 6.0 A |


28. Antara alatan elektrik berikut yang manakah menggunakan paling banyak tenaga?
Which of the following electrical appliances consumed the most energy?

	Kuasa <i>Power</i>	Tempoh <i>Period</i>
A	300 W	10 minit <i>10 minutes</i>
B	200 W	3 jam <i>3 hours</i>
C	600 W	15 minit <i>15 minutes</i>
D	1500 W	20 minit <i>20 minutes</i>

29. Antara berikut yang manakah menerangkan penghasilan daya gerak elektrik teraruh?
Which of the following statements describe the production of an induce electromotive force?

- A Fluks magnet dipotong oleh gegelung yang berputar
A magnetic flux is cut by a rotating coil
- B Satu magnet bar berada pegun di dalam suatu gegelung dawai
A bar magnet is held stationary in a coil of wire
- C Seutas dawai digerak selari dengan fluks magnet
A wire is moved parallel to the magnetic flux
- D Sebatang besi keluli diayunkan ke dalam suatu gegelung dawai
An iron nail is moved into a coil of wire

30. Rajah 18 menunjukkan sebiji mentol, 12 V, 48 W menyala pada kecerahan normal.
Diagram 18 shows a bulb, 12 V, 48 W lights up with normal brightness.




Rajah 18
Diagram 18

Apakah yang akan berlaku kepada mentol, apabila bilangan lilitan pada gegelung primer dikurangkan kepada 150 lilitan?

What happens to the bulb when the number on turns in primary coil is reduced to 150 turns?

- | | | | |
|---|---------------------------------|---|---|
| A | Malap
<i>Dim</i> | B | Terbakar
<i>Blown up</i> |
| C | Lebih terang
<i>Brighter</i> | D | Kecerahan tidak berubah
<i>The brightness unchange</i> |

31. Rajah 19 menunjukkan struktur sebuah motor elektrik arus terus.
Diagram 19 shows a structure of a direct current electric motor.



Rajah 19
Diagram 19

Fungsi komutator adalah untuk

The function of the commutator is to

- I menyongsangkan arah medan magnet
reverse the direction of the magnetic field.
 - II menyongsangkan arah arus dalam gegelung.
reverse the direction of current in the coil.
 - III membantu menjalankan motor dengan lancar.
help to run motor smoothly.
- A I dan II sahaja
I and II only
- B I dan III sahaja
I and III only
- C II dan III sahaja
II and III only


32. Pernyataan manakah betul mengenai suatu diod?

Which statement is true about a diode?

- A Ia berfungsi sebagai rektifier
It acts as a rectifier
- B Ia berfungsi sebagai suis
It acts as a switch
- C Ia berfungsi sebagai amplifier
It functions as an amplifier
- D Ia berfungsi sebagai pembekal tenaga
It functions as an energy supplier

33. Persamaan berikut mewakili reputan nukleus Polonium.

The following equation represents the decay of a Polonium nucleus.



Apakah X?

What is X?


- | | |
|--|---------------------------------------|
| A Sinar gama
<i>Gamma rays</i> | B Zarah beta
<i>Beta particles</i> |
| C Zarah alfa
<i>Alpha particles</i> | D Proton
<i>Proton</i> |

34. Antara yang berikut yang manakah akan terpesong dalam medan magnet?

Which of the following will deflect in magnetic field?

- I Zarah Alfa
Alfa particle
 - II Zarah beta
Beta particle
 - III Sinar gamma
Gamma ray
-
- A I dan II
I and II
 - B I dan III
I and III
 - C II dan III
II dan III

35. Rajah 20 menunjukkan lengkung reputan bagi satu bahan radioaktif, Iodin -131.
Diagram 20 shows the decay curve of a radioactive substance, Iodine-131.



Rajah 20
Diagram 20

Berapakah separuh hayat bagi bahan radioaktif tersebut?
What is the half-life of the radioactive substance?

- | | | | |
|---|--------------------|---|--------------------|
| A | 24 hari
24 days | B | 8 hari
8 days |
| C | 16 hari
16 days | D | 12 hari
12 days |
36. 'Apabila suatu permukaan logam disinari oleh alur cahaya yang mempunyai frekuensi tertentu, elektron daripada logam itu dapat dipancar keluar'.
'When a metal surface is irradiated by a stream of light of a certain frequency, electrons from the metal can be emitted out'

Fenomena yang merujuk kepada pernyataan di atas ialah
The phenomenon referring to the above statement is

- | | | | |
|---|---|---|---|
| A | Fungsi kerja
Work function | B | Kesan fotoelektrik
Photoelectric effect |
| C | Frekuensi ambang
Threshold frequency | D | Teori Kuantum Cahaya
Quantum Theory of Light |

37. Ahli fizik X menyatakan bahawa pemindahan elektron dari petala tenaga tinggi ke petala tenaga rendah akan memancarkan foton.

Physicist X states that the transfer of electrons from a high energy shell to a low energy shell will emit photons.

Siapakah X itu?

Who is X?

- | | | | |
|---|------------------|---|-----------------|
| A | Max Planck | B | Neils Bohr |
| C | Louis de Broglie | D | Albert Einstein |

38. Jika panjang gelombang foton adalah 2.5×10^{-6} m.
Berapakah momentum foton tersebut dalam unit kgms^{-1} ?

*If the wavelength of the photon is 2.5×10^{-6} m.
What is the photon momentum in units of kgms^{-1} ?*

[$h = 6.63 \times 10^{-34}$ J]

- | | | | |
|---|------------------------|---|------------------------|
| A | 1.66×10^{-39} | B | 8.29×10^{-40} |
| C | 2.65×10^{-28} | D | 3.77×10^{27} |

39. Antara berikut yang manakah menunjukkan Persamaan Fotoelektrik Einstein?

Which of the following shows the Einstein's Photoelectric Equation?

- | | | | |
|---|---|---|---|
| A | $hf - hf_0 = \frac{1}{2}mv_{\text{maks}}^2$ | B | $hf_0 - hf = \frac{1}{2}mv_{\text{maks}}^2$ |
| C | $hf = \frac{1}{2}mv_{\text{maks}}^2$ | D | $hf = hf_0 - \frac{1}{2}mv_{\text{maks}}^2$ |





40. Persamaan antara fungsi kerja dan frekuensi ambang bagi suatu logam diberikan oleh:

An equation between work function and threshold frequency of a metal is given by:

$$W = hf_0$$

Graf yang manakah menunjukkan hubungan yang betul antara fungsi kerja dan frekuensi ambang?

Which graph show the correct relationship between work function and threshold frequency of a metal?



KERTAS SOALAN TAMAT
END OF QUESTION PAPER



KERTAS 2 (4531/2)




Contoh Soalan Fizik Kertas 2
Example Questions of Physics Paper 2

BAHAGIAN A
SECTION A

1. Rajah 1 menunjukkan graf halaju melawan masa sebuah kereta mainan.
Diagram 1 shows a velocity against time graph of a toy car.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 1



Rajah 1
Diagram 1

- (a) Apakah maksud halaju?
What is meant by velocity?

.....

[1 markah]
[1 mark]

- (b) Berdasarkan graf dalam Rajah 1, nyatakan
Based on graph in Diagram 1, state

- (i) jenis gerakan bagi kereta mainan itu;
the type of motion of the toy car;
- semasa $t = 2$ s
during $t = 2$ s

.....

- selepas 3 s
after 3 s

.....

[2 markah]
[2 marks]

- (ii) bagaimana sesaran kereta mainan itu dalam masa 4 s ditentukan
how the displacement of the toy car in 4 s is determined


.....

[1 markah]
[1 mark]

2. Rajah 2 menunjukkan satu roket botol air dilancarkan dengan menggunakan pam basikal di satu kawasan terbuka.
Air dalam botol keluar pada halaju tinggi dan roket botol dilancarkan.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 2

Diagram 2 shows a water rocket bottle is launched using the bicycle pump at the open field.
The water in the bottle ejected with high speed and the rocket bottle is launched.



Rajah 2
Diagram 2

- (a) (i) Nyatakan prinsip fizik yang terlibat dalam pelancaran roket itu.
State a physics principle involved in the launching of the rocket.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (ii) Berapakah jumlah momentum roket itu sebelum dilancarkan?
What is the total momentum of the rocket before launched?

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (b) Jisim roket ialah 0.2 kg dan halaju air yang tertolak keluar masing-masing ialah 2 ms^{-1} .
The mass of the rocket is 0.2 kg and the velocity of the water ejected is 2 ms^{-1} .

Jika jisim air itu ialah 0.2 kg, hitung halaju roket yang dilancarkan.
If the mass of the water is 0.2 kg, calculate the velocity of the rocket launched

[2 markah]
[2 marks]

- (c) Apakah yang akan berlaku kepada laju roket itu selepas beberapa ketika?
What will happen to the speed of the rocket after a few while,?


[1 markah]
[1 mark]



3. Rajah 3.1 dan 3.2 menunjukkan dua bekas yang serupa mengandungi dua jenis cecair, P dan Q, yang berbeza muatan haba tentu tetapi berjisim sama. Kedua-dua cecair itu dipanaskan oleh pemanas rendam, 1 kW yang serupa selama 10 minit. Suhu awal bagi kedua-dua jenis cecair itu adalah 25°C.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 3

Diagram 3.1 and Diagram 3.2 show two identical containers filled with two type of liquids of different specific heat capacity but of same mass is heated with identical immersion heaters, 1 kW for 10 minutes. The initial temperature of both liquids is 25°C.



Rajah 3.1
Diagram 3.1

Rajah 3.2
Diagram 3.2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan muatan haba tentu, c ?
What is the meaning of specific heat capacity, c ?

[1 markah]
[1 mark]

- (b) Berdasarkan Rajah 3.1 dan Rajah 3.2;
Based on Diagram 3.1 and Diagram 3.2;

- (i) Beri sebab mengapa bacaan pada termometer adalah berbeza selepas 10 minit
Give a reason why the reading on the thermometer is different after 10 minutes.

[1 markah]
[1 mark]

- (ii) Hitung tenaga haba yang dibekalkan oleh pemanas rendam.
Calculate the heat energy supplied by the immersion heater.


[2 markah]
[2 marks]

- (ii) Hitung jisim cecair Q.
Calculate mass of liquid Q.

[2 markah]
[2 marks]

- 4 Rajah 4 menunjukkan siri reputan bagi Bismut-214.
Diagram 4 shows decay series of Bismut-214.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 4



Rajah 4
Diagram 4

- (a) (i) Apakah maksud nombor nukleon?
What is meant by nucleon number?

.....

[1 markah]
1 mark]



- (ii) Tuliskan satu persamaan untuk menunjukkan reputan Bi-214 kepada Tl-210.

Write an equation to show the decay of Bi-214 to Tl-210.

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (b) (i) Mengapa reputan Bi-214 itu berlaku?

Why does the decay of Bi-214 occur?


.....

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) Pereputan Po-210 boleh diwakili oleh persamaan berikut;

The decay of Po-210 can be represented by the equation below;



Tentukan nilai X dan Y.

Determine the value of X and Y.

X :

Y :

[2 markah]

[2 marks]

- (iii) Tentukan bilangan zarah alfa dan zarah beta yang dihasilkan dalam siri reputan itu.

Determine the number of alpha particles and beta particles produced in the series of decay.

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (c) Jisim sebelum mereput bagi Bi-214 adalah 200 g.
Jika setengah hayat bagi Bi-214 adalah 19.7 minit, hitung jisim Bi-214 selepas 98.5 minit.


Mass before decay for Bi-214 is 200g.

If the half life of Bi-214 is 19.7 minutes, calculate mass of Bi-214 after 98.5 minutes.

[3 markah]
[3 marks]

- 5 Rajah 5.1 menunjukkan litar elektrik.
Diagram 5.1 shows an electric circuit.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 4



Rajah 5.1
Diagram 5.1

- (a) (i) Namakan komponen X.
Name component X.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (ii) Adakah mentol menyala?
Is bulb lighted up?


.....
[1 markah]
[1 mark]

- (iii) Beri sebab bagi jawapan dalam 5(a)(ii).
Give a reason for answer in 5(a)(ii).

[1 markah]
[1 mark]

- (b) Rajah 5.2 menunjukkan graf arus melawan beza keupayaan bagi litar dalam Rajah 5.1.

Diagram 5.2 shows a current against potential difference of the circuit in Diagram 5.1.



Rajah 5.2
Diagram 5.2

- (i) Apakah yang berlaku kepada arus apabila beza keupayaan bertambah?
What happen to current when the potential difference increases?

[1 markah]
[1 mark]

- (ii) Hitung kecerunan graf, k ketika arus pada julat 0.5 A – 1.0 A.
Calculate the gradient, k at range 0.5 A – 1.0 A.

[2 markah]
[2 marks]

- (iii) Berdasarkan jawapan dalam 5 (b)(ii), hitung rintangan R bagi komponen X.
Based on answer in 5 (b)(ii), calculate the resistance R for component X.

[2 markah]
[2 marks]

- (iv) Apakah yang akan berlaku kepada graf dalam Rajah 5.2 jika komponen X digantikan dengan perintang karbon?
What will happen to the graph in Diagram 5.2 if the component X is replaced with a carbon resistor?

[1 markah]
[1 mark]

6. Rajah 6.1 dan Rajah 6.2 masing-masing menunjukkan dua pembesar suara yang serupa tetapi diletakkan pada jarak, a yang berbeza. Bunyi kuat dan lemah terbentuk berselang-seli.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 5

Murid-murid berdiri di tempat dimana bunyi kuat dapat didengari.
Pembesar suara dalam setiap rajah adalah sumber koheren.
Jarak murid-murid itu daripada pembesar suara adalah serupa.



Diagram 6.1 and Diagram 6.2 show two identical loudspeakers but are positioned at different distances, a between each other respectively. Loud sound and soft sound formed alternately.

The student are standing at where the loudsounds can be heard.



The loudspeakers used in each diagram are coherent sources.

The distance of students from the loudspeakers are identical.





Rajah 6.1
Diagram 6.1



Rajah 6.2
Diagram 6.2

- (a) Apakah maksud sumber koheren?
What is meant by coherent sources?

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (b) Perhatikan Rajah 6.1 dan Rajah 6.2.
Observe Diagram 6.1 and Diagram 6.2.

- (i) Bandingkan jarak antara dua pembesar suara, a.
Compare the distance between the two loudspeakers, a

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (ii) Bandingkan jarak antara dua bunyi kuat yang berturutan.
Compare the distance between two consecutive loud sounds.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (iii) Bandingkan jarak gelombang bagi gelombang bunyi yang dihasilkan oleh pembesar suara.
Compare the wave length of the sound wave produced by the loudspeakers.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (c) Berdasarkan jawapan dalam 6(b), nyatakan hubungan antara jarak antara dua pembesar suara dengan jarak antara dua bunyi kuat yang berturutan.

Based on answers in 6(b), state the relationship between distance between the two loudspeakers with distance between two consecutive loud sounds.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (d) Namakan fenomena bagi gelombang bunyi ini.
Name the wave phenomenon of the sound waves.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (e) (i) Terangkan bagaimana bunyi kuat dan bunyi lemah terbentuk oleh kedua-dua pembesar suara itu.
Explain how loud sounds and soft sounds formed by the two loudspeakers.

.....
.....
[2 markah]
[2 marks]


- (ii) Apakah yang akan berlaku kepada jarak antara dua bunyi kuat yang berturutan sekiranya frekuensi gelombang bunyi bertambah?
What will happen to the distance between two consecutive loud sounds if the frequency of the sound waves increases?

.....
[1 markah]
[1 mark]


7. Rajah 7.1 dan Rajah 7.2 menunjukkan rajah sinar bagi dua objek yang serupa melalui kanta cembung dalam kanta pembesar yang berbeza ketebalan. Kedua-dua kanta itu menghasilkan imej maya. F merupakan titik fokus bagi setiap kanta.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 5

Diagram 7.1 and Diagram 7.2 show ray diagrams for two identical objects through convex lens in magnifying glass of different thickness. Both lenses produced a virtual images. F is the focal point of each lens.



Rajah 7.1
Diagram 7.1



Rajah 7.2
Diagram 7.2

- (a) Apakah maksud imej maya?
What is meant by virtual image?

.....

[1 markah]
[1 mark]

(b) Berdasarkan Rajah 7.1 dan Rajah 7.2,
Based on Diagram 7.1 and Diagram 7.2,

(i) bandingkan jarak fokus kanta
compare the focal length of the lens

.....

[1 markah]

[1 mark]

(ii) bandingkan saiz imej yang terbentuk
compare the size of the image formed

.....

[1 markah]

[1 mark]

(iii) bandingkan ketebalan kanta
compare the thickness of the lens

.....

[1 markah]

[1 mark]

(iv) bandingkan kedudukan objek daripada kanta
compare the position of the object from lens

.....

[1 markah]

[1 mark]

(b) Nyatakan hubungan antara ketebalan kanta dengan,
State the relationship between the thickness of lens with

(i) jarak fokus kanta
the focal length of lens

.....

[1 markah]

[1 mark]

(ii) saiz imej yang terbentuk
the size of the image formed

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (c) Sehelai kertas berwarna telah menutupi bahagian atas kanta cembung dalam Rajah 7.1.

A piece of coloured paper covered the upper portion of the convex lens in Diagram 7.1.

*Apakah yang terjadi kepada saiz dan kecerahan imej yang terhasil?
What happen to the size and brightness of the image produced?*


.....
.....

[2 markah]
[2 marks]


8. Rajah 8.1 dan Rajah 8.2 menunjukkan dua bekas yang serupa berisi air pada kedalaman berbeza. Apabila pili dibuka, air memancut keluar pada jarak ufuk yang berlainan disebabkan oleh tekanan yang dikenakan ke atas dinding bekas itu.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 6

Diagram 8.1 and Diagram 8.2 show two identical containers filled with water at a different depth. When the tap is opened, water spurts out at different horizontal distance due to the water pressure exerted on the wall of the container.



Rajah 8.1
Diagram 8.1



Rajah 8.2
Diagram 8.2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan tekanan?
What is the meaning of pressure?

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (b) Berdasarkan Rajah 8.1 dan Rajah 8.2, bandingkan
Based on Diagram 8.1 and Diagram 8.2. compare

- (i) kedalaman pili dari permukaan air.
the depth of the tap from the surface of water.

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) tekanan air pada pili.
the water pressure at the tap.

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (iii) jarak ufuk pancutan air.
the horizontal distance of the water spurts out.

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (c) Berdasarkan jawapan dalam 8(b), nyatakan hubungan antara tekanan air dengan,
Based on the answer in 8(b), state the relationship between the water pressure with,

- (i) jarak ufuk pancutan air
the horizontal distance of the water spurts out

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) kedalaman air.
the depth of the water.

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (d) (i) Apakah yang berlaku kepada jarak ufuk pancutan air dalam Rajah 8.2 jika penutup bekas dibuka?
What happens to the horizontal distance of the water spurts out in Diagram 8.2 if the lid of the container is opened?

.....

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) Terangkan jawapan di 8 (c)(i).
Explain the answer in 8(c)(i).

.....

.....

[2 markah]


[2 marks]

- 9 Rajah 9.1 dan Rajah 9.2 menunjukkan dua litar elektrik. Ammeter, voltmeter dan sel kering adalah sama dalam kedua-dua rajah. Konduktor adalah daripada bahan yang sama tetapi berbeza ketebalan.


KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 6

Diagram 9.1 dan Diagram 9.2 show two electrical circuits. The ammeter, voltmeter and the dry cells are identical in both diagrams.

The conductors are from identical material but different thickness.



Rajah 9.1
Diagram 9.1



Rajah 2
Diagram 2

- (a) Nyatakan kuantiti fizik yang diukur oleh voltmeter.
State the physical quantity measured by the voltmeter.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (b) Perhatikan Rajah 9.1 dan Rajah 9.2.
Observe Diagram 9.1 and Diagram 9.2.

- (i) Bandingkan bacaan ammeter itu.
Compare the reading of the ammeter.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (ii) Bandingkan bacaan voltmeter itu.
Compare the reading of the voltmeter.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (iii) Bandingkan panjang konduktor.
Compare the length of the conductor.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (iv) Bandingkan ketebalan konduktor.
Compare the thickness of the conductor.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (c) Berdasarkan jawapan dalam 9(b), nyatakan hubungan antara ketebalan konduktor dengan,
Based on answers in 9(b), state the relationship between the thickness of the conductor with,

- (i) arus yang mengalir dalam litar
the current flows in the circuit

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (ii) *rintangan konduktor*
the resistance of conductor

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (d) Satu konduktor yang serupa disambung secara selari dalam litar pada Rajah 9.1.
Another identical conductor is connected in parallel in the circuit in Diagram 9.1.

- (i) Apakah yang berlaku kepada bacaan ammeter?
What happen to the reading of the ammeter?

.....
[1 markah]
[1 mark]


- (ii) Beri sebab bagi jawapan dalam 9(d)(i).
Give a reason for answer in 9(d)(i).

.....
[1 markah]
[1 mark]

- 10 Rajah 10.1 menunjukkan sebuah alat yang mengandungi sebuah cermin cekung digunakan oleh seorang doktor gigi untuk melihat gigi pesakit.

KONSTRUK
ITEM
NOMBOR 7

Diagram 10.1 shows a tool which consists of a concave mirror is used by a dentist to see the teeth of a patient.



Rajah 10.1
Diagram 10.1

- (a) Namakan fenomena cahaya yang berlaku dalam cermin cekung itu.
Name the light phenomenon which occurred in the concave mirror.


.....

[1 markah]

[1 mark]

- (b) Lengkapkan rajah sinar dalam Rajah 10.2 untuk menunjukkan bagaimana imej bagi objek terbentuk dalam alat dalam Rajah 10.1.

Complete the ray diagram in Diagram 10.2 to show how the image of the object is formed in the tool in Diagram 10.1




Rajah 10.2
Diagram 10.2

[3 markah]

[3 marks]



- (c) Rajah 10.3 menunjukkan struktur sebuah dapur solar parabolik.
Diagram 10.3 shows a structure of a parabolic solar cooker.



Rajah 10.3
Diagram 10.3

Jadual 10 menunjukkan tiga kedudukan periuk memasak dan saiz bukaan pemantul yang berbeza bagi dapur solar tersebut.

Table 10 shows three position of the cooking and different sizes of the aperture for the reflector of the solar cooker.

Dapur solar <i>Solar cooker</i>	Kedudukan periuk memasak <i>Position of cooking pot</i>	Saiz bukaan bagi pemantul <i>Size of the aperture of the reflector</i>
K	Di titik fokus pemantul <i>At the focal point of the reflector</i>	Besar <i>Big</i>
L	Kurang daripada titik fokus pemantul <i>Less than the focal point of the reflector</i>	Kecil <i>Small</i>
M	Lebih daripada titik fokus pemantul <i>More than the focal point of the reflector</i>	Besar <i>Big</i>

Jadual 10
Table 10

Berdasarkan Jadual 10, nyatakan ciri-ciri dapur solar yang sesuai bagi membolehkan makanan dimasak dengan cepat.
Beri sebab untuk kesesuaian ciri-ciri itu.

*Based on Table 10, state the suitable characteristics of the solar cooker to enable food cooked quickly.
